

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Syor tambah waktu belajar reproduktif

Syor tambah waktu belajar reproduktif


Putrajaya: Kerajaan bercadang menambah waktu pembelajaran reproduktif di sekolah selepas isu perlakuan seksual membatikan remaja di negara ini semakin membimbangkan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri, berkata cadangan itu akan dibawa oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri pada mesyuarat Kabinet akan datang.

"Kita lihat permasalahan kekejatan sosial, terutama apabila perlakuan seksual bermula seawal usia 13 tahun dan ini memerlukan beberapa tindakan antara kementerian, antaranya menambah waktu pembelajaran mengenai reproduktif.

"Ia bagi menimbulkan kesedaran kepada murid dan pelajar mengenai kesalahan melakukan kelakuan seksual serta kesan yang akan menimbulkan kekejatan sosial seperti mana saya katakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) Bil 2 Tahun 2023 di sini, semalam.



Ahmad Zahid pada Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bil 2 Tahun 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Ahmad Zahid berkata, isu itu penting untuk dibincangkan di Kabinet supaya langkah drastik dapat diambil bagi menangani masalah sosial berkenaan.

"Permasalahan ini amat membimbangkan dan malang sekali kejadian ini terlalu tinggi di antara negeri, iaitu di negeri Serambi Makkah (Kelantan).

laysia (BNM) melalui wakilnya sudah bersetuju mengarahkan cawangan bank menyediakan kemudahan untuk golongan itu.

"Ketiga, Jemaah Menteri akan diminta memberi pertimbangan kerana Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) memerlukan bukan sahaja perjawatan, malah peralatan canggih bagi memantau kes penipuan dalam talian.

"Untuk itu, kita berasakan tindakan segera perlu dilakukan kerana ia akan menimbulkan masalah sosial cukup besar dengan jumlah kerugian menghampiri RMI bilion setahun," katanya.

Sementara itu, Nancy berkata, kertas Kabinet berhubung cadangan mengatasi isu seksual dalam kalangan remaja akan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi.

Katanya, isu seksual membatikan remaja amat membimbangkan dan ia berdasarkan kaji selidik terhadap golongan itu yang berusia antara 13 hingga 24 tahun serta tidak berkahwin.

"Ini tentunya bukan soal politik, tetapi masalah sosial yang sebenar dan kita mesti mencari jalan supaya ia dapat dinoktahkan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, mesyuarat turut membincangkan mengenai kemudahan pembukaan akaun bank oleh golongan orang kurang upaya (OKU).

Katanya, Bank Negara Ma-